

Najib Terkejut Dengan Laporan Pesawat MAS Terhempas
Bernama
July 17, 2014

KUALA LUMPUR, 17 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak terkejut dengan laporan bahawa penerbangan Malaysian Airlines (MAS) pesawat MH17 dari Amsterdam ke Kuala Lumpur dilaporkan terhempas.

"Saya terkejut dengan laporan bahawa pesawat MH terhempas. Kami sedang melancarkan siasatan segera (mengenai laporan itu), " katanya dalam tweet terbarunya hari ini.

Sebuah agensi berita antarabangsa telah melaporkan bahawa sebuah pesawat penumpang Malaysia telah terhempas di Ukraine, berdekatan dengan sempadan Rusia hari ini.

MAS dalam tweet terbarunya, menyatakan pihaknya telah terputus hubungan dengan pesawat tersebut dan kedudukan terakhir pesawat itu adalah di ruang udara Ukraine.

Menurut agensi berita antarabangsa, pesawat itu membawa 295 penumpang dan anak kapal.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1054393>